

30 JAN 1998

Mahathir-Iraq

M'SIA MAHU KRISIS AMERIKA-IRAQ DISELESAIKAN MELALUI RUNDINGAN

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Malaysia mahu krisis antara Amerika Syarikat dan Iraq yang berpunca daripada keengganan Baghdad untuk membenarkan pemeriksaan senjata berbahaya di negara itu diselesaikan melalui rundingan dan bukan melalui tindakan ketenteraan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, cara yang terbaik untuk menyelesaikan krisis itu "masih melalui rundingan."

"Saya harap perkara ini diselesaikan (melalui diplomasi)," kata beliau kepada pemberita di majlis rumah terbuka Hari Raya di Sri Perdana di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ketegangan antara kedua-dua negara dengan Washington memberi amaran akan mengenakan tindakan ketenteraan terhadap Iraq jika Baghdad tidak membenarkan pemeriksaan senjata berbahaya.

Beberapa pemimpin dunia lain termasuk dari Russia dan Perancis serta Setiausaha-Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan juga mahu krisis itu diselesaikan secara diplomasi.

Dr Mahathir juga menyambut baik usaha Russia untuk membawa semula Amerika dan Iraq ke meja rundingan bagi menyelesaikan krisis itu.

Rusia menghantar Timbalan Menteri Luarnya, Viktor Posuvalyuk ke Iraq baru-baru ini untuk menyampaikan surat daripada Presiden Boris Yeltsin kepada Presiden Saddam Hussein.

Dr Mahathir berkata jika Amerika meneruskan rancangannya untuk mengenakan tindakan ketenteraan terhadap Iraq, maka ramai orang yang tidak berdosa akan terkorban.

"Kalau dibom Iraq, tak dapat tidak orang yang tidak berdosa akan terbunuh. Tidak ada kemungkinan walau macam mana 'accurate' (tepat) sekalipun sasaran bom itu, orang lain tidak kena."

"Mereka tidak boleh lepas bom kena tepat kepada sasaran. Biasanya orang lain menjadi mangsa," kata Perdana Menteri sebagai mengulas amaran Washington kepada Baghdad bahawa pesawat pejuang Amerika akan mengebom kawasan-kawasan di Iraq yang disyaki menyimpan senjata berbahaya.

Setiausaha Negara Amerika Madeleine Albright pula dilaporkan berkata Washington bersiap sedia untuk melancarkan tindakan ketenteraan secara bersendirian tanpa sokongan masyarakat antarabangsa bagi memastikan berakhirnya program senjata biologi, kimia dan nuklear di Iraq.

Di Paris pula, Albright dilaporkan berkata hari ini bahawa usaha-usaha untuk menyelesaikan krisis itu secara diplomatik "semuanya mencapai jalan buntu" dan sudah tiba masanya untuk mengambil keputusan dasar terhadap Iraq.

Perdana Menteri juga ditanya sama ada Amerika mengenakan tekanan terhadap PBB untuk bertindak terhadap Iraq.

Dr Mahathir berkata kenyataan Albright bahawa Washington sanggup melancarkan tindakan ketenteraan secara bersendirian terhadap Iraq "tidaklah mengikut semangat tindakan bersama oleh negara-negara."

--BERNAMA

ES PR